



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)

www.gaexcellence.com/ijmoe



KAJIAN TINDAKAN: MEMPERKASA PEMIKIRAN KRITIS DAN PEMBELAJARAN KENDIRI DALAM SUBJEK SAINS TINGKATAN 1 MELALUI AI

EMPOWERING CRITICAL THINKING AND SELF-DIRECTED LEARNING IN FORM 1 SCIENCE SUBJECT THROUGH AI: AN ACTION RESEARCH

Miza Syahirah Mohd Faizal^{1*}, Kamisah Osman²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

 p143374@siswa.ukm.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0002-9310-4935>

²Pusat Kajian Pembudayaan STEM, Universiti Kebangsaan Malaysia.

 kamisah@ukm.edu.my

 <https://orcid.org/0000-0003-4734-8031>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 04.02.2026

Revised date: 14.01.2026

Accepted date: 24.02.2026

Published date: 05.03.2026

To cite this document:

Mohd Faizal, M. S., & Osman, K. (2026). Kajian Tindakan: Memperkasa Pemikiran Kritis Dan Pembelajaran Kendiri Dalam Subjek Sains Tingkatan 1 Melalui Ai. *International Journal of Modern Education*, 8(29), 679-699.

Abstrak:

Kajian tindakan ini bertujuan menilai keberkesanan integrasi Kecerdasan Buatan (AI), khususnya ChatGPT dalam meningkatkan pemikiran kritis dan pembelajaran sendiri murid Tingkatan 1 bagi mata pelajaran Sains. Seramai 38 orang murid daripada sebuah kelas Sains terlibat dalam intervensi selama lapan minggu yang dilaksanakan melalui tiga kitaran tindakan berfokus kepada penguasaan kemahiran *prompting*, pembinaan soalan beraras tinggi serta tugas aplikasi dan pembentangan kumpulan. Data dikumpulkan melalui ujian pra dan pasca yang mengandungi 40 item Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), borang pemerhatian berstruktur dan refleksi murid melalui platform Padlet. Analisis statistik deskriptif menunjukkan peningkatan min skor daripada ujian pra ($M=44.37$, $SD=15.90$) kepada ujian pasca ($M=58.24$, $SD=17.11$), menunjukkan peningkatan pencapaian yang ketara selepas intervensi. Analisis tema pula mendapati peningkatan dalam kemahiran *prompting*, keupayaan membina soalan, tahap penglibatan serta perkembangan pembelajaran sendiri. Dapatan ini menegaskan bahawa penggunaan AI secara terancang dan berstruktur berpotensi memperkukuh pencapaian akademik, pemikiran kritis dan autonomi pembelajaran murid dalam PdPc Sains.

Kecerdasan Buatan, ChatGPT, Pemikiran Kritis, Pembelajaran
Kendiri, Pendidikan Sains

Abstract:

This action research aimed to evaluate the effectiveness of integrating Artificial Intelligence (AI), specifically ChatGPT, in enhancing critical thinking and self-directed learning among Form 1 students in science. A total of 38 students from one class participated in an eight-week intervention, implemented through three action cycles focusing on prompting skills mastery, higher-order question construction, and group presentations. Data were collected using pre- and post-tests consisting of 40 Higher-Order Thinking Skills (HOTS) items, structured classroom observation checklists, and students' reflections via the Padlet platform. Descriptive statistical analysis indicated an increase in mean scores from the pre-test ($M=44.37$, $SD=15.90$) to the post-test ($M=58.24$, $SD=17.11$), demonstrating a significant improvement in achievement following the intervention. Thematic analysis further revealed improvements in prompting skills, question construction ability, level of engagement, and the development of self-directed learning. These findings underscore that a planned and structured use of AI has the potential to strengthen academic achievement, critical thinking, and learner autonomy in science teaching and learning.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijmoe@gaexcellence.com

Keyword:

Artificial Intelligence, ChatGPT, Critical Thinking, Self-Directed Learning, Science Education

Pengenalan

Pendidikan Sains di Malaysia memainkan peranan penting dalam menyokong agenda STEM (*Science, Technology, Engineering & Mathematics*) negara yang menekankan pembangunan murid kreatif, kritis dan berkeupayaan menyelesaikan masalah (Abdullah et al., 2024). Namun begitu, budaya pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang masih berorientasikan peperiksaan, menghadkan ruang pembelajaran yang lebih bermakna dan menyebabkan murid cenderung bergantung pada guru sekolah mahupun tenaga pengajar dari pusat-pusat tuisyen untuk memahami konsep Sains (Muda et al., 2024; Kenayathulla, 2023). Situasi ini turut diperhatikan oleh pengkaji, di mana murid Tingkatan 1 mampu menguasai konsep asas tetapi kurang mahir menjawab soalan aplikasi, analisis dan soalan berstruktur yang telah diubahsuai.

Perkembangan teknologi kecerdasan buatan kini membuka potensi baharu dalam PdP melalui penyampaian maklum balas segera, latihan adaptif dan peluang pembelajaran yang lebih bersifat sendiri (Xu & Ouyang, 2022). AI seperti ChatGPT berupaya memberi penjelasan terperinci, menjana contoh-contoh relevan dan mudah difahami, membantu murid membina soalan, serta menggalakkan interaksi bermakna yang lebih aktif (Gokcearslan et al., 2024; Cheung et al., 2024). Walaupun AI menunjukkan anjakan dalam corak pendidikan yang memberangsangkan, alat kecerdasan buatan itu tidak bebas daripada risiko seperti keraguan

input, bias dan kekeliruan maklumat yang memerlukan semakan silang (*cross-checking*) dan bimbingan guru yang sewajarnya (Akgun & Greenhow, 2022; Chinta et al., 2024).

Seiring dengan perkembangan teknologi, pelbagai kajian telah dijalankan dan menunjukkan potensi AI dalam meningkatkan produktiviti akademik di Malaysia; namun, kebanyakan kajian-kajian tersebut lebih tertumpu kepada pendidikan tinggi dan institusi perguruan (Azman & Shafi, 2025; Sabli et al., 2024; Daud et al., 2024). Hal ini menggariskan satu jurang penerokaan teknologi AI dalam konteks sekolah menengah di Malaysia, khususnya dalam mata pelajaran Sains.

Melihat potensi dan cabaran ini, kajian tindakan ini dijalankan bagi (1) mengenalpasti kesan penggunaan kecerdasan buatan (AI) terhadap pencapaian murid dalam matapelajaran Sains; dan (2) meneroka pengaruh penggunaan AI terhadap keupayaan murid untuk berfikir secara kritis dan belajar secara berdikari bagi mata pelajaran Sains dalam kalangan murid Tingkatan 1.

Sorotan Literatur

Pemikiran Kritis dan Pembelajaran Kendiri

Pemikiran kritis merupakan kemahiran teras Pendidikan Sains yang melibatkan kemampuan menilai bukti, membina inferens dan membuat pertimbangan berasaskan logik (Kalukar et al., 2024; Schroeder, 2024). Namun, banyak kajian menunjukkan pelajar Malaysia masih berada pada tahap rendah hingga sederhana dalam aspek analisis dan penilaian (Fadhullah & Ahmad, 2017). Hal ini berkait rapat dengan pendekatan PdP berpusatkan guru yang menekankan penerimaan maklumat pasif (Sharma, 2024).

Pembelajaran sendiri pula melibatkan kemampuan murid mengawal matlamat, strategi dan penilaian pembelajaran mereka (Foxworthy & McCarter, 2025). Kajian Lepper, Greene dan Nisbett (1973) menunjukkan bahawa autonomi pelajar meningkat apabila motivasi intrinsik dipupuk, bukan melalui ganjaran ekstrinsik. Alwadaeen dan Piller (2022) menegaskan bahawa pembelajaran sendiri boleh dipupuk seawal sekolah rendah melalui aktiviti inkuiri dan penerokaan digital. Kedua-dua elemen ini saling menyokong dan diperlukan dalam amalan pembelajaran Sains.

Penggunaan AI dalam Pendidikan

Integrasi kecerdasan buatan (AI) dalam pendidikan Sains semakin mendapat perhatian global kerana potensinya dalam menyokong pemahaman konseptual, pemikiran kritis dan pembelajaran sendiri. Dalam konteks pembelajaran Sains menengah rendah, AI menawarkan keupayaan menyesuaikan penyampaian kandungan, memberikan maklum balas segera serta mewujudkan pengalaman pembelajaran yang bersifat interaktif dan autentik (Mayasari et al., 2024; Nawaz, 2024). Hal ini relevan dalam sistem pendidikan Malaysia yang sedang berhadapan dengan cabaran kelas besar, kekangan masa dan kepelbagaian tahap keupayaan murid (Norazman et al., 2021).

Oleh yang demikian, penggunaan tutor pintar AI dan kurikulum tersuai meningkatkan literasi saintifik dan kemahiran penaakulan murid melalui interaksi berulang atau berkonsep drilling (Mayasari et al., 2024). AI membolehkan murid menguji kefahaman secara sendiri melalui

penghasilan jawapan mereka sendiri, semakan sendiri dan perbandingan dengan penjelasan alternatif yang dijana oleh AI. Mekanisme ini menepati prinsip kognitivisme yang menekankan proses pemahaman berlaku melalui organisasi maklumat dan pengurangan beban kognitif (Anjali, 2024).

Di samping itu, satu kajian oleh Nawaz (2024) menegaskan bahawa simulasi maya berasaskan AI menggalakkan murid untuk membuat keputusan saintifik yang memerlukan aplikasi konsep, analisis risiko dan perbandingan pembolehubah. Keupayaan murid menukar pembolehubah secara langsung dalam makmal maya membantu mereka memahami hubungan sebab-akibat (*cause-effect*) yang merupakan asas pemikiran saintifik aras tinggi dalam Pendidikan Sains. Tambahan pula, interaksi bersama AI mewujudkan ruang dialog kognitif yang tidak selalu boleh berlaku dalam kelas tradisional (Gokcearslan et al., 2024). Murid dapat mencabar AI, mempertikaikan jawapan dan meminta penjelasan tambahan. Proses ini membangunkan aktiviti mental seperti verifikasi, analisis, sintesis dan refleksi, lalu memupuk pemikiran kritis yang lebih berkembang (Cheung et al., 2024).

Namun begitu, integrasi AI turut mempunyai cabaran signifikan. Risiko kebergantungan, keraguan maklumat dan kekeliruan input daripada AI disebabkan keluasan informasi yang disimpan oleh AI merupakan dapatan yang konsisten dalam pelbagai kajian antarabangsa mahupun tempatan (Akgun & Greenhow, 2022; Giray et al., 2025). Hal ini menuntut murid untuk dilatih menggunakan AI secara reflektif, bukannya menerima maklumat secara pasif. Dalam kajian tindakan ini, kemahiran *prompting* yang diperkenalkan pada Kitaran 1 berfungsi untuk memastikan murid mengawal konteks pembelajaran, mengurangkan kesilapan maklumat dan meningkatkan kejelasan respons AI.

Bagi konteks lokal pula, penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pendidikan Malaysia juga semakin diperkukuh melalui integrasi yang pelbagai seperti penggunaan e-pembelajaran, *Learning Management System (LMS)* dan *Massive Open Online Course (MOOC)* untuk membentuk persekitaran pembelajaran yang adaptif, responsif dan berpusatkan pelajar (Mohamad et al., 2024). Dari aspek dan konteks tempatan, jelas menunjukkan bahawa AI berpotensi mendukung pembelajaran sendiri, meningkatkan interaktiviti, memperluas kebolehcapaian maklumat dan potensi pelajar serta menyokong peningkatan prestasi pelajar melalui sistem analitik dan tutor maya (Tumiran et al., 2025). Bukan sahaja pelajar yang mendapat manfaat dengan penggunaan generatif AI yang benar, dalam sektor pengajian tinggi, penggunaan generatif AI seperti ChatGPT dilaporkan mempunyai hubungan signifikan terhadap prestasi penyelidikan tenaga pengajar juga iaitu para pensyarah, khususnya dari aspek kecekapan analisis, penjanaan idea dan kualiti penulisan akademik (Azman & Shafi, 2025). Secara keseluruhan, dapatan ini menegaskan bahawa AI berkeupayaan sebagai pemangkin inovasi pedagogi dan penyelidikan dalam ekosistem pendidikan Malaysia, akan tetapi, pelaksanaannya perlu diseimbangkan dengan prinsip AI yang bertanggungjawab, berintegriti dan menekankan perlindungan data bagi memastikan impaknya bersifat lestari dan beretika.

Keseluruhannya, tinjauan literatur menunjukkan bahawa AI mampu menyokong pemikiran aras tinggi dan pembelajaran sendiri apabila digunakan secara berstruktur, diselia dan berpandukan teori pembelajaran yang kukuh. Dapatan ini memberikan rasional kukuh kepada intervensi kajian tindakan ini, terutamanya dalam konteks Sains Tingkatan 1 yang menuntut pembinaan konsep asas dan kemahiran inkuiri.

Teori Pembelajaran dalam Mengintegrasikan AI

Penggunaan AI dalam pengajaran dan pembelajaran tidak boleh dipisahkan daripada asas teori pembelajaran yang menyokong keberkesannya. Empat rangka teori utama yang digunakan dalam kajian ini ialah behaviorisme, kognitivisme, konstruktivisme dan sosio-konstruktivisme. Dari sudut behaviorisme, AI berfungsi sebagai agen peneguhan melalui maklum balas segera dan automatik (Gibson et al., 2023). Respons AI yang menyokong jawapan betul atau membetulkan kesilapan serta-merta telah membantu membentuk tingkah laku pembelajaran positif yang lebih konsisten. Dalam konteks kajian ini, penggunaan ChatGPT untuk menyemak soalan murid memperlihatkan maklum balas segera daripada AI membantu murid mengukuhkan kefahaman.

Teori kognitivisme menekankan peranan AI dalam mengorganisasi maklumat, mengurangkan beban kognitif dan menyediakan struktur pembelajaran yang sistematik (Anjali, 2024). Penjelasan AI yang terperinci tetapi teratur membantu murid Tingkatan 1 memahami konsep abstrak seperti atom, sel atau fenomena ekosistem. Namun begitu, AI turut boleh mewujudkan 'ilusi kefahaman' sekiranya murid tidak dilatih menilai maklumat, sekaligus menjadi murid penerima input yang pasif (Agbo et al., 2025). Di samping itu, teori sosio-konstruktivisme oleh Vygotsky menekankan pembelajaran melalui interaksi sosial dan *scaffolding*. AI boleh berfungsi sebagai *scaffold* digital yang mengisi jurang kefahaman murid dan bertindak dalam Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) mereka (Zhou & Schofield, 2024). Akan tetapi, interaksi manusia masih lagi diperlukan dan kritikal. Sharples (2023) menegaskan bahawa AI tidak boleh menggantikan peranan interaksi atau komunikasi antara rakan sebaya mahupun guru.


Kesimpulannya, teori pembelajaran memberikan asas kukuh yang menyokong keberkesanan AI dalam kajian ini. Kecerdasan buatan bukan sekadar alat teknologi tetapi alat pedagogi yang sejajar dengan proses kognitif, tingkah laku dan sosial murid.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian tindakan dalam konteks PdPc Sains menengah rendah bagi membolehkan pengkaji mengenalpasti isu sebenar bilik darjah, merancang intervensi, melaksanakan intervensi dalam situasi sebenar dan menilai keberkesannya melalui refleksi berterusan. Pendekatan ini bersifat fleksibel serta praktikal, justeru mod campuran (*mixed methods*) digunakan bagi memperoleh gambaran menyeluruh tentang impak penggunaan AI. Kaedah kuantitatif menilai perubahan pencapaian murid melalui ujian pra dan pasca. Manakala kaedah kualitatif meneroka perubahan tingkah laku pembelajaran melalui pemerhatian pengkaji serta, maklum balas dan refleksi murid. Gabungan ini menyokong penambahbaikan amalan PdPc secara sistematik dan reflektif.

Seramai 38 murid Tingkatan 1 program DLP (*Dual-language Programme*) terlibat dalam kajian tindakan ini dan mereka terdiri daripada pelbagai kaum, serta menunjukkan minat tinggi terhadap Sains. Namun, mereka mempunyai satu isu utama iaitu kefahaman konsep sains serta kebergantungan terhadap guru dan pusat tuisyen. Kumpulan ini dipilih kerana kesediaan menggunakan teknologi serta keperluan meningkatkan prestasi Sains, pembelajaran berdikari dan pemikiran kritis melalui intervensi berasaskan AI. Di samping itu, kumpulan murid ini merupakan anak murid pengkaji yang telah dididik dalam tempoh waktu tertentu, membolehkan pengkaji mengenalpasti kelemahan, keperluan serta potensi setiap individu.

Prosedur kajian ini menggunakan model kajian tindakan yang diadaptasi daripada Mertler (2024) yang menggariskan empat langkah utama: (1) perancangan, (2) tindakan, (3) pembangunan dan pemerhatian, dan (4) refleksi terhadap hasil pelaksanaan.



Rajah 1: Mertler (2012) Clinical Model of Action Research

Fasa kajian ini merangkumi lima langkah utama.


1. *Pemerhatian dan Refleksi Awal*: Penyelidik mengenalpasti masalah pembelajaran murid melalui ujian pra dan pemerhatian.
2. *Perancangan Tindakan*: Perancangan intervensi berasaskan AI (ChatGPT, Google Gemini) dilaksanakan dengan fokus utama terhadap kemahiran bertanya, meneroka konsep secara bebas dan menyemak kefahaman secara kritis.
3. *Pelaksanaan*: Intervensi dijalankan secara berperingkat dalam kelas selama lapan minggu dengan bimbingan dan pemantauan guru.
4. *Pemerhatian dan Pengumpulan Data*: Tingkah laku, penglibatan murid serta kualiti soalan dan jawapan diperhatikan dan direkodkan.
5. *Refleksi dan Penambahbaikan*: Maklum balas murid dianalisis untuk menambah baik intervensi sebelum kitaran seterusnya.

Jadual 1: Penstrukturan Fasa Kajian Tindakan

<i>Langkah Kajian</i>	<i>Fasa Mertler (2012, 2020, 2024)</i>	<i>Huraian Ringkas</i>	<i>Instrumen Kajian</i>
<i>Pemerhatian & Refleksi Awal</i>	<i>Planning</i> (Perancangan)	Isu pembelajaran dikenalpasti: murid kurang berdikari, pemikiran kritis lemah.	<i>Set soalan ujian pra & pasca (40 item pelbagai topik dan aras)</i>
<i>Perancangan Tindakan</i>	)	Rancang intervensi: penggunaan AI (ChatGPT, etc.) fokus kepada soalan, penerokaan dan kefahaman sendiri.	
<i>Pelaksanaan</i>	<i>Acting</i> (Pelaksanaan)	Pelaksanaan intervensi AI (3 kitaran) dalam kelas dengan pemantauan pengkaji.	<i>Borang Pemerhatian</i>
<i>Pemerhatian & Pengumpulan Data</i>	<i>Developing / Observing</i> (Pemerhatian)	Pemerhatian terhadap penglibatan murid, kualiti soalan dan respons.	
<i>Refleksi & Penambahbaikan</i>	<i>Reflecting</i> (Refleksi)	Analisis maklumbalas dan refleksi terhadap intervensi untuk penambahbaikan.	<i>Respons maklum balas dan refleksi murid di platform Padlet</i>

Perincian Kitaran Intervensi

Bagi memastikan pelaksanaan intervensi dapat memberi impak maksimum terhadap pembelajaran murid, pengkaji telah merancang dan membahagikan pelaksanaan intervensi kepada tiga kitaran.



Rajah 2. Kitaran Intervensi Penggunaan AI

Murid dibahagikan kepada kumpulan kecil seramai 4 atau 5 orang bagi memastikan kolaborasi aktif dan interaksi bermakna antara ahli kumpulan sepanjang pelaksanaan intervensi. Keseluruhannya, jumlah kumpulan yang terbentuk ialah 9 kumpulan. Tiga kitaran intervensi penggunaan AI dirancang secara berperingkat, bermula dengan Kitaran 1 yang berfokus terhadap penguasaan kemahiran *prompting*. Kemudiannya, diikuti Kitaran 2 yang menekankan pembinaan soalan dan refleksi berasaskan AI, serta diakhiri dengan Kitaran 3 yang melibatkan tugas aplikasi senario dan pembentangan kumpulan. Setiap kitaran dilaksanakan selama dua minggu (satu jam seminggu) dengan satu minggu sela antara kitaran bagi memberi ruang kepada latihan sendiri dan pengukuhan kemahiran setiap kumpulan.

Secara keseluruhan, intervensi berlangsung selama lapan minggu merangkumi tiga kitaran dan dua tempoh sela. Sepanjang setiap kitaran, pengkaji menjalankan pemerhatian analitik menggunakan borang pemerhatian berstruktur:

1. **Borang Pemerhatian 1** menilai penglibatan murid, kemahiran *prompting* dan kefahaman kandungan;
2. **Borang Pemerhatian 2** memfokuskan kepada keupayaan pembinaan soalan, tahap pemikiran kritis dan kolaborasi; manakala
3. **Borang Pemerhatian 3** menilai kualiti pembentangan, kesukaran atau halangan yang dihadapi.

Pendekatan ini adalah untuk memastikan pemantauan perkembangan murid dilakukan secara holistik dari aspek kognitif, kemahiran dan kepelbagaian pembelajaran.

Setelah selesai ketiga-tiga kitaran, kumpulan-kumpulan tersebut diberikan link platform Padlet untuk mereka berkongsi pandangan dan refleksi terhadap intervensi berpanduan AI yang telah dilaksanakan. Ketua kumpulan atau mana-mana ahli boleh mewakili kumpulan mereka. Refleksi tersebut telah distrukturkan dengan tiga soalan (dalam Bahasa Inggeris) yang perlu murid jawab secara telus:

1. *What helped you the most when using AI (ChatGPT) to learn Science during the lessons?* (Apakah yang paling membantu anda apabila menggunakan AI (ChatGPT) untuk mempelajari Sains semasa PdP?)
2. *What challenges or difficulties did you face when using AI to understand Science topics?* (Apakah cabaran atau kesukaran yang anda hadapi apabila menggunakan AI untuk memahami topik Sains?)

3. *How did using AI change the way you think, ask questions, or learn Science on your own?* (Bagaimanakah penggunaan AI mengubah cara anda berfikir, bertanya soalan, atau belajar Sains secara sendiri?)

Dapatan Kajian

Peningkatan Pencapaian Murid: Analisis Ujian Pra dan Pasca

Untuk menilai perubahan tahap penguasaan murid terhadap konsep Sains, ujian pra diberikan sebelum intervensi dilaksanakan, diikuti dengan ujian pasca setelah ketiga-tiga kitaran intervensi selesai. Instrumen yang digunakan adalah sama.

Descriptive Statistics								
	N Statistic	Range Statistic	Minimum Statistic	Maximum Statistic	Mean Statistic	Std. Error	Std. Deviation Statistic	Variance Statistic
PRETEST	38	76	0	76	44.37	2.579	15.901	252.834
POSTTEST	38	62	24	86	58.24	2.776	17.114	292.888
Valid N (listwise)	38							

Rajah 3. Data Ujian Pra dan Pasca Murid

Analisis statistik deskriptif menunjukkan peningkatan yang jelas dalam pencapaian murid selepas intervensi dilaksanakan. Min skor meningkat daripada 44.37 (SP = 15.90) dalam ujian pra kepada 58.24 (SP = 17.11) dalam ujian pasca, dengan perbezaan min hampir 14 markah. Selain itu, skor minimum turut meningkat daripada 0 kepada 24, manakala skor maksimum meningkat daripada 76 kepada 86, menggambarkan peralihan keseluruhan taburan prestasi ke arah yang lebih tinggi. Walaupun sisihan piawai pasca ujian sedikit meningkat, variasi ini menunjukkan kepelbagaian tahap peningkatan dalam kalangan murid tanpa menjejaskan trend peningkatan menyeluruh. Secara tuntasnya, dapatan ini membuktikan bahawa intervensi yang dilaksanakan memberi impak positif dan signifikan terhadap pencapaian akademik murid Tingkatan 1 dalam kelas pengkaji.

Penerokaan Keupayaan Pembelajaran Murid secara Kritis dan Berdikari Menggunakan AI

Kitaran Intervensi 1: Penggunaan AI untuk Prompting

Pada awal intervensi, murid belum mahir membina *prompt* yang berkesan dan cenderung mengemukakan soalan umum tanpa konteks menyebabkan AI memberi jawapan panjang dan di luar tahap Tingkatan 1. Oleh yang demikian, murid sukar memahami penjelasan dan hanya menyalin jawapan tanpa menilai kesahihan dan kesesuaiannya.

Why we never run out of blood after blood donation? Here's the simple, clear explanation: Why we never run out of blood after donating blood Your body is constantly producing new blood. Even when you don't donate, your bone marrow is working every second to create millions of new blood cells. So when you donate blood, your body immediately activates a natural replacement process. What happens after donation? 1. Your plasma is replaced very quickly - Plasma (the liquid part of blood) is replaced within 24-48 hours. - That is why people feel okay soon after drinking water and resting. 2. Your red blood cells regenerate slowly but steadily - Red blood cells (RBCs) carry oxygen. - When you donate, you lose about 10% of your total blood. - Your body senses this drop and tells your bone marrow to speed up RBC production. - It usually takes 6-8 weeks for RBC levels to fully return to normal. This is why you can only donate whole blood every 3 months (Malaysia) or 8-12 weeks.	Please give me short answers that align to Malaysian Form 1 syllabus Here are short, Form 1-level answers: Why don't we run out of blood after donating blood? Because our body makes new blood all the time. After donation: - Plasma is replaced quickly within 1-2 days. - Red blood cells are produced again by the bone marrow. - The body keeps the blood level balanced automatically. Very simple: The body replaces the blood that is donated. 👍 🗣️ 🔄 📄 ⋮
Jawapan prompting generik.	Jawapan prompting khusus.

Rajah 4: Pengajaran Perbezaan Prompting AI Generik & Khusus

Situasi seperti rajah 4 mendorong pengkaji memperkenalkan kaedah *prompting* yang sistematik agar respons daripada AI lebih relevan dengan tahap pembelajaran mereka.

Jadual 2: Ringkasan Pemerhatian Progres Asas Prompting AI

SEBELUM PENGENALAN ASAS PROMPTING AI										
ELEMEN Pemerhatian	Indikator	K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7	K8	K9
<i>Penglibatan murid</i>	Murid aktif menggunakan AI; Berinteraksi dalam kumpulan/individu	/	/	/	/	/	/	/	/	/
<i>Kemahiran prompting</i>	Menyatakan kehendak dengan jelas; Memfokuskan skop berdasarkan silibus	/	/				/	/		/
<i>Kefahaman kandungan</i>	Menjelaskan semula jawapan AI; Mengaitkan dengan silibus sains tingkatan 1	/	/							/
SELEPAS PENGENALAN ASAS PROMPTING AI										
<i>Penglibatan murid</i>	Murid aktif menggunakan AI; Berinteraksi dalam kumpulan / individu	/	/	/	/	/	/	/	/	/
<i>Kemahiran prompting</i>	Menyatakan kehendak dengan jelas; Memfokuskan skop berdasarkan silibus	/	/	/	/	/	/	/	/	/

<i>Kefahaman kandungan</i>	Menjelaskan semula jawapan AI; Mengaitkan dengan silibus sains tingkatan 1	/	/	/	/	/	/	/	/	/
----------------------------	--	---	---	---	---	---	---	---	---	---

Jadual 2 menunjukkan peningkatan sebelum dan selepas pengenalan asas *prompting* AI. Pada awalnya, hanya beberapa kumpulan sahaja yang aktif dan kebanyakan murid mengemukakan soalan umum, menghasilkan respons AI yang panjang dan di luar silibus Tingkatan 1. Kekurangan kemahiran *prompting* turut menjejaskan kefahaman kerana murid gagal mengaitkan jawapan AI dengan silibus. Selepas latihan asas *prompting*, hampir semua kumpulan menunjukkan penglibatan lebih konsisten, soalan lebih berfokus dan kefahaman yang lebih baik. Pengkaji merumuskan bahawa kemahiran menghasilkan *prompt* ialah asas utama untuk memanfaatkan AI secara berkesan.

Kitaran Intervensi 2: Pembinaan dan Penyolaan Menggunakan AI

Dalam kitaran kedua, intervensi memberi fokus kepada pembinaan soalan dan penilaian jawapan bagi menggalakkan pembelajaran aktif dan pemikiran kritis. Murid bekerja dalam 9 kumpulan kecil untuk membina satu item KBAT. Namun, pada peringkat awal, mereka masih belum mampu menghasilkan soalan yang bermakna atau menghubungkan kefahaman dengan pertanyaan yang dibina.

Jadual 3: Ringkasan Pemerhatian Progres Pembinaan dan Penyolaan Menggunakan AI

PERINGKAT AWAL (PEMBINAAN ITEM KBAT)										
ELEMEN PEMERHATIAN	INDIKATOR	K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7	K8	K9
<i>Pembinaan soalan</i>	Menjana soalan berkaitan topik; Soalan sesuai aras	/	/			/	/	/	/	
<i>Pemikiran kritis</i>	Menyoal lanjut; Menilai ketepatan jawapan AI		/							/
<i>Kolaborasi</i>	Bekerjasama; Membahagi tugas	/		/	/	/	/	/	/	/
PERINGKAT AKHIR (PEMBINAAN ITEM KBAT)										
<i>Pembinaan soalan</i>	Menjana soalan berkaitan topik; Soalan sesuai aras	/	/	/	/	/	/	/	/	/
<i>Pemikiran kritis</i>	Menyoal lanjut; Menilai ketepatan jawapan AI	/	/	/			/	/		/
<i>Kolaborasi</i>	Bekerjasama; Membahagi tugas	/	/	/	/	/	/	/	/	/

Jadual 3 menunjukkan peningkatan konsisten dalam kemahiran pembinaan soalan, pemikiran kritis dan kolaborasi sepanjang aktiviti pembinaan item KBAT menggunakan AI. Pada peringkat awal, hanya beberapa murid mampu menghasilkan soalan relevan, menyoal lanjut atau menyemak ketepatan jawapan AI. Manakala kolaborasi masih bergantung pada murid yang dominan. Selepas latihan dan bimbingan, lebih banyak kumpulan berjaya membina soalan KBAT yang tepat, dan murid menunjukkan pemikiran kritis yang lebih kukuh dengan meneliti serta menilai jawapan AI secara aktif.

teacher asks us to generate good HOTS questions and give to our classmates. later, we teach them how to answer the HOTS questions. one question only. can u generate one good HOTS??? we want to try answer, then you check our answers. we also need to consult to teacher. can help us meh?

Of course cant I'll give you ONE very good HOTS question from Chapter 5: Matter — not too easy, not too weird — suitable to show your teacher.
Then you answer it, and I will mark it like a strict science teacher.

★ **YOUR HOTS QUESTION (Form 1 Matter – Tingkatan 1)**

HOTS Question (Application + Reasoning):
A cold mirror in an air-conditioned room becomes foggy when a student breathes on it. Using the particle theory of matter, explain why this happens.

is it because of condensation? gas become water vapour. Condensation is a process that loses heat. so, the cold mirror + the gas (CO₂) from our body that is higher because the gas follows our body temperature. is this correct???? mark like how my teacher will do

Alright, I will mark strictly like a real Form 1 Science teacher.
Here is your answer again, with marking below:

Your answer:
"is it because of condensation? gas become water vapour. Condensation is a process that loses heat. so, the cold mirror + the gas (CO₂) from our body that is higher because the gas follows our body temperature."

✅ **MARKING & FEEDBACK (Strict Teacher Mode)**

1. Scientific Accuracy: 4/10

- You correctly mentioned condensation 🌟
- But gas does NOT become water vapour — water vapour is the gas.
- The gas from your body is NOT CO₂, in this context.
 - The gas that condenses is water vapour from your breath, not carbon dioxide.
- You did not explain particles clearly.

2. Explanation / Reasoning: 4/10

Can you make 3 HOTS questions? We will answer them first and you will check our answer like a teacher.

Sure! Here are 3 HOTS (KBAT) questions for Chapter 2: Cells (Tingkatan 1). These require reasoning, application, and explanation, not just facts.

★ **HOTS QUESTION 1 (Application)**
A student accidentally puts a freshwater plant into very salty water. After 10 minutes, the plant's cells shrink and the leaves wilt.

Question:
Explain what happened to the plant cells and why this occurs.

No 1 is osmosis? is that correct?

Yes — the process involved is osmosis, and that part of your answer is correct ✓

But for full HOTS marks, you must explain it clearly:

When the plant is placed in salty water, the water concentration inside the plant cell is higher than outside the cell.
So, water moves out of the cell through osmosis (from high water concentration — low water concentration).
As a result, the vacuole shrinks, the cytoplasm pulls away from the cell wall, and the leaf becomes wilted.

If you want, you can write your full answer now and I will mark it like a teacher.

Bus osmosis isn't part of the syllabus?

Rajah 5: Perbandingan Interaksi Kumpulan (K5 & K2) dengan AI

Rajah 5 menunjukkan perbezaan ketara dalam interaksi murid dengan AI. Kumpulan 5 (K5) berinteraksi secara pasif dan bergantung pada AI untuk membetulkan jawapan, manakala Kumpulan 2 (K2) menunjukkan pemikiran kritis dengan menyoal lanjut, menilai maklumat dan membetulkan AI apabila perlu. Perbandingan ini membuktikan bahawa latihan prompting meningkatkan keaktifan analitikal murid. Maklum balas automatik AI juga membantu mereka mengenali kelemahan sendiri dan memperkukuh pembelajaran mendalam.

Kitaran Intervensi 3: Pembinaan Senario, Soalan & Pembentangan

Dalam kitaran akhir, murid membina senario aplikasi menggunakan AI dengan menghasilkan cerita berasaskan masalah, menjana tiga soalan berkaitan dan menyediakan jawapan, semuanya secara berkumpulan.

Jadual 4: Ringkasan Pemerhatian Progres Pembinaan Senario, Soalan & Pembentangan

PERINGKAT AWAL (PEMBINAAN SENARIO, SOALAN & PEMBENTANGAN)											
ELEMEN Pemerhatian	Indikator	K1	K2	K3	K4	K5	K6	K7	K8	K9	
<i>Pembentangan (Kitaran 3)</i>	Senario relevan; Soalan berkaitan; Jawapan tepat	/	/								/
<i>Kesukaran halangan</i>	/ Arahan jelas; Tahap kesukaran soalan; Kandungan tepat	/	/								/
<i>Tindakan guru</i>	Menunjuk cara; Memberi contoh <i>prompt</i> ; Membetulkan kesilapan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
PERINGKAT AKHIR (PEMBINAAN SENARIO, SOALAN & PEMBENTANGAN)											
<i>Pembentangan (Kitaran 3)</i>	Senario relevan; Soalan berkaitan; Jawapan tepat	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
<i>Kesukaran halangan</i>	/ Arahan jelas; Tahap kesukaran soalan; Kandungan tepat	/	/	/		/	/	/			/
<i>Tindakan guru</i>	Menunjuk cara; Memberi contoh <i>prompt</i> ; Membetulkan kesilapan	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/

Jadual 4 menunjukkan peningkatan jelas bagi semua sembilan kumpulan. Pada awalnya, hanya dua kumpulan dapat menghasilkan senario, soalan dan jawapan yang relevan. Selepas bimbingan guru, semua kumpulan berjaya membina senario lebih berstruktur dan soalan lebih mencabar, dengan pembentangan kelas turut mengukuhkan komunikasi serta pemikiran kritis murid.

